

DATE: 12 / 12 / 2007

Guna R&D majukan ekonomi negara membangun – PM

Oleh NIZAM YATIM

KUALA LUMPUR 11 Dis. – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menggesa negara-negara membangun menggunakan penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta inovasi bagi memajukan ekonomi masing-masing.

Perdana Menteri berkata, sebagai permulaan, mereka boleh mengguna pakai teknologi yang telah dicipta negara lain untuk disesuaikan dengan keperluan masyarakat tempatan.

“Saya yakin usaha seperti ini akan membantu mengurangkan jurang teknologi antara negara-negara di dunia dan memastikan pembangunan di negara membangun dijalankan secara berterusan,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan ma yang dibacakan oleh timbalannya, Datuk Seri Najib Tun Razak pada Persidangan Pengetahuan Global Ketiga (GK3) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur di sini hari ini.

Persidangan tiga hari itu dihadiri 1,520 peserta yang mewakili sektor kerajaan dan swasta yang terbabit dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dari seluruh dunia.

Abdullah berkata, tumpuan utama R&D dan inovasi berkenaan harus menjurus kepada ICT kerana ia mampu menjadi penggerak strategik bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan taraf hidup rakyat.

Bagaimanapun, katanya, beliau amat bimbang kerana masih terdapat banyak negara miskin yang tidak mampu menggunakan ICT untuk beralih kepada ekonomi berasaskan pengetahuan berikutan kos infrastruktur yang tinggi.

“Halangan lain yang dihadapi mereka ialah kekurangan kandungan bersesuaian, tiadanya sokongan dari segi teknologi dan dominasi bahasa Inggeris dalam Internet.

“Jika masalah kekurangan kandungan tempatan tidak diselesaikan segera, negara membangun akan berada dalam keadaan lebih kritikal dan ketinggalan jauh berbanding negara maju,” ujarnya.

Perdana Menteri turut menyeru negara membangun menumpukan perhatian untuk meningkatkan tahap pendidikan bagi melahirkan lebih ramai sumber manusia yang berpengetahuan dalam ICT.

“Pelaburan ini mungkin mengambil masa untuk membuahkan hasil tetapi ia perlu dilakukan demi kejayaan jangka panjang dan pembangunan berterusan negara berkenaan,” ujarnya.

Dalam pada itu, Abdullah menegaskan, segala usaha yang dilakukan bagi meningkatkan R&D dan inovasi hanya akan berjaya jika negara membangun bersedia untuk menghadapi pelbagai cabaran yang masih wujud terutama kemiskinan.

“Cabaran lain ialah bagi menyediakan akses yang lebih baik kepada pendidikan berkualiti, penjagaan kesihatan, perumahan dan perkhidmatan kerajaan yang berkesan,” katanya.

NAJIB Tun Razak mendengar penerangan daripada Ketua Pegawai Eksekutif Freeplay Foundation Lifeline Radio, Kristine Pearsu pada majlis perasmian Persidangan Pengetahuan Global Ketiga (GK3) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, semalam.

– Gambar HALIM KHALID

UUM - 12 / 12 / 2007
Tumpuan utama R&D dan inovasi berkenaan harus menjurus kepada ICT kerana ia mampu menjadi penggerak strategik bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan taraf hidup rakyat

ABDULLAH AHMAD BADAWI
Perdana Menteri

